



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kemaskini 2.30pm 22 Jul 2022

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**JERAYAWARA DAN KARNIVAL WANITA BANGKIT@KPWKM
TAHUN 2022 ZON UTARA**

LOKASI / TARIKH / MASA

AMAN CENTRAL, KEDAH/23 JULAI 2022 / 3.30 PETANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera
Salam Keluarga Malaysia

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

- 1) Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T., kerana pada petang ini, kita dapat bersama-sama dalam **Program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit @KPWKM Zon Utara.** Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.
- 2) Apa habaq oghang Loq Staq? Sihat ka? Alhamdulillah. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua

pihak yang hadir ke program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit @KPWKM. Program ini adalah sebuah platform one stop centre' khususnya untuk golongan wanita mendapatkan ruang dan peluang menjana pendapatan menerusi peluang pekerjaan, perniagaan dan keusahawanan.

- 3) Untuk makluman semua, Program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit@KPWKM dilaksanakan secara khusus untuk menawarkan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan bagi wanita di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

- 4) Inilah platform untuk wanita memperkasa ekonomi diri, dan keluarga menerusi peluang-peluang untuk menjana pendapatan sama ada peluang pekerjaan, perkongsian ilmu pengetahuan dan kewangan, kemahiran, dan kepimpinan sendiri bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan wanita.
- 5) Program ini juga akan menjelajah di lokasi-lokasi lain mengikut zon di seluruh Malaysia, iaitu di Pusat Dagangan Terengganu bagi Zon Pantai Timur pada 9 hingga 11

September 2022 dan di Suria Sabah Shopping Mall pada 23 hingga 25 September 2022 , InsyaAllah.

6) LATAR BELAKANG INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM

Para hadirin yang saya muliakan,

7) Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM lahir daripada situasi pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat termasuk golongan wanita dalam

pelbagai aspek terutamanya dalam aspek kewangan dan penjanaaan pendapatan.

8) Selaras dengan aspirasi Kerajaan Malaysia iaitu Dasar No-One Left Behind dan untuk menyokong dan menjamin kehidupan golongan terjejas khususnya wanita, kementerian saya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) memulakan inisiatif 'Wanita Bangkit@KPWKM' pada 1 September 2021.

9) Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM diunjurkan dapat

membantu wanita dalam mengatasi cabaran pasca pandemik. Inisiatif ini terbahagi kepada dua kaedah; iaitu menerusi sektor formal dan tidak formal. Melalui sektor formal pelbagai pameran kerjaya dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), TalentCorp Malaysia dan organisasi penempatan pekerjaan lain.

- 10) Menerusi Sektor Tidak Formal pula, peserta-peserta dihubungkan kepada pelbagai peluang perniagaan dan keusahawanan daripada Kerajaan seperti Mamacare, program selepas bersalin oleh Lembaga Penduduk dan

Pembangunan Keluarga Negara Malaysia, sektor swasta seperti Maxis (penyedia telekomunikasi) untuk penganjuran e-Kelas Usahawan dan NGO. Selain itu **bantuan geran MyKasih Kapital sebanyak RM500 juga disediakan untuk memulakan perniagaan dengan modal kecil dalam bidang e-dagang dan perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim di Kementerian Keusahawan.**

- 11) Wanita Bangkit@KPWKM telah berjaya merapatkan dan memberi peluang pekerjaan kepada 7,520 wanita dalam

kedua-dua sektor dan menyediakan 34,225 wanita dengan pengetahuan berterusan khususnya dalam pengurusan kewangan, dan menyumbang untuk menjana hampir RM41 juta kepada ekonomi Malaysia.

- 12) Inisiatif ini telah **saya kongsi semasa persidangan Meja Bulat bersempena Sidang Kemuncak Wanita Global 2022 di Bangkok baru-baru ini.** Pemimpin-pemimpin yang mengikuti sesi tersebut memberi pujian termasuk Presidennya Ms Irene Natividad yang menyifatkan inisiatif ini sebagai episod baharu bagi golongan wanita, suri rumah dan

ibu tunggal terutama daripada kumpulan B40 bangkit semula, dan berdikari membina ekonomi selepas pandemik COVID-19.

- 13) **Agenda Pemerkasaan Ekonomi Wanita menjadi fokus dan tumpuan saya sebelum dan selepas COVID-19. Program Wanita Bangkit menjadi perintis segala-galanya. Inilah yang menjadi misi dan visi saya ketika ini di Kementerian. Saya sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk memperluaskan lagi program Wanita Bangkit ini yang menjurus kepada memperkasakan ekonomi wanita**

seperti program kita hari ini.

Para hadirin sekalian,

14) Kita sendiri tahu bahawa ramai wanita yang hebat yang mampu **menjana pendapatan melalui perniagaan**, lihat sahaja di mana-mana, di premis perniagaan, di dalam talian, pasti kelihatan wanita yang menjadi pengusahanya.

15) Saya percaya peserta yang hadir tiga (3) hari ini akan dapat menimba ilmu dan mungkin ada yang berjaya ditawarkan pekerjaan. Tahniah dan teruskan usaha anda. Apa yang

penting ialah usaha berterusan tanpa jemu dan putus asa.

16) Maka, sudah tiba masanya untuk wanita merencana semula keteguhan ekonomi yang kita cita-citakan bersama-selama ini. ***The time has come for us to drive this nation towards the greater success! AYUH WANITA, KITA BANGKIT!***

17) Dengan keyakinan yang tinggi serta harapan yang besar, kerjasama yang dijalinkan bersama kita ini merupakan pentas terbaik buat seluruh usahawan wanita, tidak kira agama,

bangsanya mahupun kiblat politiknya, untuk bersama-sama menggapai impian membina masa depan gemilang Malaysia menerusi keusahawanan.

PERANAN MEMPERKASAKAN USAHAWAN WANITA

Barisan wanita gemilang sekalian,

18) Seperti yang dihasratkan oleh **Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri menerusi ucapan pembentangan Rancangan Malaysia ke-12** yang lepas, penyertaan lebih ramai golongan wanita dalam aktiviti ekonomi merupakan fokus penting KPWKM sebagai pengemudi

aspirasi wanita nasional akan turut menyumbang kepada peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran kerja yang disasarkan mencapai 59 peratus pada tahun 2025.

19) Peranan wanita dalam pembangunan institusi keluarga tidak harus dipandang enteng. Oleh sebab itu, agenda Wanita Bangkit@KPWKM ini dipahatkan sebagai 'agenda of the year' yang boleh memartabatkan lagi keberadaan golongan wanita sebagai penyumbang penting dalam rencana pembangunan ekonomi negara.

20) OBJEKTIF PROGRAM JERAYAWARA DAN KARNIVAL

WANITA BANGKIT@KPWKM

Barisan wanita gemilang sekalian,

- 21) Sejajar dengan landskap baharu ekonomi pasca pandemik yang menitikberatkan keterangkuman gender dalam setiap penyertaan ekonomi, agenda Program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit@KPWKM Zon Utara bercita-cita besar untuk membina keyakinan baharu dalam jiwa para usahawan wanita di pelbagai peringkat dengan matlamat yang jitu untuk menaikkan keupayaan ekonomi sendiri mereka.
- 22) Penyediaan ceramah-ceramah dan perkongsian pengalaman

akan menjadi pengisian dalam program ini diyakini mampu mentransformasikan rentak sosio-ekonomi yang turut mengangkat wanita sebagai penjana ekonomi yang bersifat kompetitif.

23) Persekitaran ekonomi yang kompetitif memerlukan pembinaan identiti keusahawanan yang berketrampilan dimana ia boleh membina keyakinan diri seseorang usahawan wanita untuk menjelajah bidang-bidang baharu yang boleh memperkayakan lagi ilmu dan kemahiran mereka.

24) Bak kata pepatah Arab, **“Ilmu tanpa amal ibarat pokok**

tanpa buah.” Ilmu pengetahuan merupakan asset tidak ternilai, lebih-lebih lagi literasi digital kini menjadi tulang belakang kepada pembinaan tamadun yang berintelektual.

25) Untuk makluman semua, program ini dijalankan dengan kerjasama PERKESO dan Aman Central, Alor Setar, Kedah. Bilangan majikan yang akan terlibat bagi Program Karnival Kerjaya adalah lebih kurang 25 majikan dan 20 orang usahawan bimbingan JPW membuka booth pada Program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit@KPWKM Zon Utara.

26) Disamping itu, terdapat juga agensi-agensi di bawah KPWKM

seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) membuka *booth* bagi mempromosikan perkhidmatan atau bantuan yang diberikan oleh agensi masing-masing.

27) Insya-Allah, menerusi program-program yang berorientasikan mentorship, ketamadunan intelektual dapat digarap menerusi pembinaan ilmu yang boleh membuahakan manfaat kepada kejayaan golongan wanita dalam apa jua bidang keusahawanan yang mereka ceburi.

HARAPAN

Para hadirin sekalian,

28) Melalui Program Jerayawara dan Karnival Wanita Bangkit@KPWKM Zon Utara ini, saya berharap, golongan wanita dapat meningkatkan pendapatan bulanan isirumah, sekali gus dapat menaikkan tahap sosio-ekonomi masyarakat.

29) Program latihan seperti ini penting untuk menjadikan wanita, agen perubahan dalam komuniti, melalui usaha perubahan